

04/09/2002

SPR nafi wujud dua daftar pemilih

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Selasa - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menafikan wujud dua senarai daftar pemilih pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Kedah, baru-baru ini.

Sambil mempertahankan kewibawaan SPR yang hanya menjalankan operasinya mengikut lunas undang-undang, Pengerusinya Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata masalah itu berlaku kerana ada parti politik tidak menyemak senarai daftar pemilih baru, sebaliknya menggunakan senarai lama.

"Ketika pilihan raya, kita ada satu daftar pemilih dan seorang pegawai yang ditugaskan untuk menyemak senarai itu yang sama dengan senarai di tempat mengundi. Tak ada senarai lain kerana ia dibuat dalam perisian komputer yang sama.

"Masalah yang timbul ialah pondok panas parti. Orang parti pergi cetak beberapa daftar pemilih yang lama, yang tidak dipakai lagi SPR.

Sepatutnya, mereka belilah senarai pemilih baru selepas SPR mempamerkannya. Jangan nak salahkan SPR saja.

"Mereka ini mempunyai sumber tenaga dan peruntukan yang cukup tetapi kenapa tidak membuat kerja dengan teliti.

"Saya bukan nak tuduh mana-mana parti politik lain tetapi buatlah kerja dan jangan hanya nak tuduh SPR semata-mata," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat SPR hari ini.

Abdul Rashid bagaimanapun berkata, SPR mengambil perhatian terhadap semua teguran, termasuk yang dibangkitkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu pengundi yang bukan bermastautin di kawasan mengundi tetapi dimasukkan dalam senarai pemilih.

"Sebenarnya mereka bukan pengundi hantu tetapi pengundi yang diimport masuk ke dalam satu-satu kawasan seperti yang berlaku di Anak Bukit dan Pendang.

"Mereka adalah pengundi sah mengikut undang-undang kerana sepanjang senarai daftar pemilih mula dipamerkan seminggu selepas diwartakan Disember lalu, SPR tidak menerima sebarang bantahan dari mana-mana pihak yang tidak berpuas hati," katanya.

Minggu lalu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, meminta SPR menjelaskan mengenai wujudnya dua senarai berlainan dalam daftar pemilih yang sama di Pendang dan Anak Bukit.

Dalam kenyataannya, Dr Mahathir berkata, semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu iaitu mereka yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan berkenaan.

Selain itu, Umno juga tidak berpuas hati kerana terdapat 1,359 nama pengundi dikeluarkan daripada senarai sah pemilih menjelang pilihan raya kecil itu dan meminta SPR menyemak semula senarai daftar pemilih di seluruh negara kerana terdapat nama pengundi dari Sabah dan Sarawak dipindahkan ke sini, termasuk di Anak Bukit.

Abdul Rashid berkata, pihak yang tidak berpuas hati sepatutnya mengemukakan bantahan kepada SPR dalam masa seminggu selepas senarai pemilih dipamerkan.

"Kalau ada bantahan, kami akan membuat siasatan dengan memanggil pihak yang membantah dan yang kena bantah untuk menunjukkan bukti, di situ juga kami akan memutuskan sama ada senarai nama yang ada sah atau sebaliknya," katanya.

Sebelum ini, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Pemilih (1971),

memperuntukkan pendaftaran seorang pemilih berdaftar boleh dilakukan oleh orang lain tanpa menggunakan kad pengenalan.

Bagaimanapun, sejak SPR memperkenalkan pendaftaran pengundi sepanjang tahun pada Julai lalu, pendaftaran pengundi hanya boleh dibuat oleh pemilih itu sendiri di semua kaunter di pejabat pos, menggunakan kad pengenalan dengan alamat pendaftar berdasarkan alamat di kad pengenalan.

"Sebelum pelaksanaan Peraturan Pemilih 2002, 16 Julai lalu, pendaftaran pemilih boleh dibuat oleh wakil pemilih tanpa kehadiran pemilih, tanpa menggunakan kad pengenalan, tetapi dengan menyatakan alamat serta nombor kad pengenalan pengundi pada borang pendaftaran," katanya.

Abdul Rashid berkata, masalah yang membabitkan pengundi import sudah lama wujud dan perkara itu sudah dimaklumkan kepada semua pihak termasuk kerajaan ketika beliau menjadi Setiausaha SPR pada 1993.

"Saya bagi tahu supaya semak daftar pemilih apabila dipamerkan dan buat secara terurus kerana parti ada organisasi. Saya tahu ada satu parti politik yang amat aktif menyusun strategi bagaimana nak pindah orang tetapi SPR tak boleh buat apa-apa sekiranya tak ada bantahan.

"Bila sudah berlaku, SPR tak boleh keluarkan nama orang sewenang-wenangnya daripada senarai pemilih kerana setiap warga negara mempunyai hak mereka di dalam perlembagaan iaitu bila didaftar sebagai pemilih, tidak boleh dikeluarkan melainkan dia hilang kelayakan mengundi," katanya.

Beliau berkata, negeri yang menjadi tumpuan bagi strategi politik itu kebanyakannya bagi kawasan pengundi yang majoritinya Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang.

Katanya, masalah wujudnya pengundi import itu tidak berlaku di negeri lain di Pantai Barat Semenanjung.

Abdul Rashid juga berkata, SPR akan bertindak lebih proaktif bagi mengeluarkan nama pengundi yang sudah meninggal dunia dengan mendapat laporan dari balai polis dan tidak hanya menunggu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Bagaimanapun, katanya, orang ramai atau parti politik boleh menyerahkan senarai nama bagi pemilih yang sudah meninggal dunia.